

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 2 DISEMBER 2013 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	UniMAP raih anugerah AKO	Utusan Malaysia
2	MIMOS, UPSI perkenal platform pendidikan bermutu	Utusan Malaysia
3	11 terima anugerah CyberSecurity	Utusan Malaysia
4	Lafarge Malaysia Bhd	The Sun
5	Ancaman jenayah e-dagang	Utusan Malaysia
6	Pastikan Selamat	Utusan Malaysia
7	Biotech Chairman receives honorary doctorate	The Malay Mail

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA KAMPUS) : MUKA SURAT 25**  
**TARIKH : 2 DISEMBER 2013 (ISNIN)**



**KAMARUDIN Hussin** (tiga dari kanan) menerima anugerah AKO bagi kategori Agensi Kerajaan daripada Dr. Ewon Ebin di Selangor baru-baru ini.

# UniMAP raih anugerah AKO

Pengiktirafan kepada UniMAP berdasarkan pengukuran berlandaskan aspek kualiti dan kecemerlangan

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**  
kampus@utusan.com.my

**U**NIVERSITI Malaysia Perlis (UniMAP) muncul satu daripada lapan pemenang utama Anugerah Kualiti SIRIM (AKS) yang julung kali diperkenalkan tahun ini dengan meraih Anugerah Kualiti Organisasi (AKO) bagi kategori Agensi Kerajaan.

Anugerah tersebut merupakan inisiatif Sirim Malaysia Berhad (SIRIM) dalam mengiktiraf organisasi yang telah mencapai tahap pengurusan kualiti dan produk yang cemerlang serta pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang menepati tahap standard kebangsaan dan antarabangsa.

Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, kejayaan muncul dalam kalangan lapan organisasi terbaik dalam anugerah berprestij seperti AKS ini merupakan pengiktirafan terbaik UniMAP berdasarkan pengukuran kepada aspek

kualiti.

"Yang lebih membanggakan apabila UniMAP berjaya menewaskan 20 calon lain bagi kategori Agensi Kerajaan sekali gus membuktikan universiti ini telah mencapai tahap kualiti yang boleh dibanggakan.

"Sebenarnya pengukuran kualiti ini adalah sesuatu yang amat kompleks, namun saya percaya kejayaan UniMAP ini didasarkan

kepada pelbagai pencapaian yang telah diraih UniMAP baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis SIRIM Industri 2013 yang disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin di Hotel Sunway Resort And Spa di Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengerusi SIRIM, Datuk Jamaliah Kamis dan Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Kamaruddin berkata, walaupun

UniMAP baru berusia 11 tahun, namun kejayaan yang diraih pada masa ini turut membuktikan usia bukanlah penghalang bagi sesebuah organisasi atau agensi untuk menawarkan perkhidmatan ataupun barangan yang berkualiti.

"UniMAP selepas ini, akan memberikan tumpuan yang lebih untuk memastikan setiap unit dan jabatan di universiti berkenaan menerima pengiktirafan kualiti dari SIRIM.

"Penganjuran AKS dilihat sebagai simbol pencapaian syarikat pengeluar sama ada tempatan mahu pun multinasional dalam persaingan dalam menghasilkan produk dan pengurusan lebih berkualiti," katanya.

AKS dibahagikan kepada beberapa kategori bagi memastikan setiap syarikat pengeluar dan pengurusan akan menerima pengiktirafan yang sewajarnya iaitu Anugerah Kualiti Produk (AKP) dan Anugerah Kualiti bagi Organisasi (AKO).



# MIMOS, UPSI terkenal platform pendidikan bermutu

Bantu peringkat proses penilaian terhadap pelajar dan kakitangan akademik UPSI

**U**NIVERSITI Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini memeterai kerjasama dengan Mimos Berhad (Mimos) bagi membangunkan UPSI Psychometrics yang berfungsi mempertingkatkan penilaian terhadap pelajar dan kakitangan akademik di institusi pengajian tinggi (IPT).

Projek yang merupakan perkongsian strategik ini menggabungkan kepakaran dan teknologi yang dipertingkatkan bersama empat instrumen dalam menilai kesesuaian pelajar ke arah topik kajian mereka di samping memaksimumkan potensi untuk cemerlang dalam pelajaran.

Menurut Pengarah Bahagian Psychometrics Kluster MIMOS, Dr. Haniza Yon, empat instrumen yang telah diuji oleh UPSI dan Mimos adalah Ujian Kebolehan untuk Universiti (AT4U), Kemahiran dalam ICT (ProFIT), Bahasa Inggeris dengan bantuan komputer (CaELT) serta Nilai BITARA.

"Projek Psychometrics Profiling akan meningkatkan kemahiran membuat keputusan di kalangan pelajar dengan mengukur kebolehan mereka secara sistematik serta menilai kemahiran kakitangan universiti yang terlibat.

"Dengan mengambil pendekatan objektif dan teratur seperti ini kami yakin ia akan memberi faedah bukan sahaja universiti malah komuniti dalam jangka panjang," katanya.

Projek tersebut dilancarkan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. Yang turut hadir,



DR. Abu Bakar Mohamad Diah melancarkan projek UPSI Psychometric di Tanjung Malim. Perak baru-baru ini sambil diperhatikan oleh Dr. Haniza Yon (kiri) dan Dr. Noraini Idris.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pengkomersialan/Inovasi) UPSI, Prof Dr Noraini Idris. Psychometrics Kluster di Mimos berfungsi dalam meningkat dan mengamalkan psikometrik di samping mempunyai kepakaran, teknik dan

teknologi dalam bidang tersebut untuk digunapakai dalam bidang pendidikan dan ujian psikologi di Malaysia. \*

Mengulas mengenai empat instrumen yang diperkatakan, Ujian AT4U dilakukan sebagai mengenal pasti potensi pelajar

di samping meningkatkan mutu pembelajaran berdasarkan keupayaan mereka.

Selain itu, ujian tersebut turut mengenal pasti calon terbaik bagi tujuan penempatan kepada program-program yang ditawarkan oleh universiti terlibat.

Bagi ujian ProFIT, individu dinilai berdasarkan kecekapan mereka dalam menggunakan pelbagai aplikasi dalam ICT bagi tujuan penempatan di samping mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sekali gus membantu institusi pengajian dalam penilaian dan penandaan aras program-program ICT mereka.

Ujian CaELT pula merupakan peletakan kepada program berdasarkan kekuatan dan kelemahan pelajar dalam bahasa Inggeris serta menjadi perancah kepada mereka yang lemah selain memberi dorongan untuk mempertingkatkan keupayaan berbahasa Inggeris kepada golongan tersebut di masa akan datang.

Dalam usaha memastikan nilai ahli akademik sejajar dengan wawasan dan misi institusi, Ujian Nilai BITARA membantu pembangunan profesional dalam pemilihan kakitangan akademik yang terlibat.

Justeru kerjasama yang dibangunkan oleh MIMOS dan UPSI ini amat sinonim dalam bidang pendidikan di negara ini negara dalam mewujudkan sinergi pengantara kepada perkembangan bidang Psikologi, ICT, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam meningkatkan pembuatan keputusan ke arah pendidikan bermutu.



# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 10 TARIKH : 2 DISEMBER 2013 (ISNIN)



DR. Abu Bakar Mohammad Diah (enam dari kiri) bergambar bersama penerima anugerah *Makan Malam dan Penyampaian Anugerah CyberSecurity Malaysia 2013* di ibu negara baru-baru ini.

## 11 terima anugerah CyberSecurity

Sebagai pengiktirafan atas sumbangan dalam industri keselamatan siber

**S**EBANYAK 11 buah syarikat profesional berkaitan keselamatan siber menerima Anugerah Malaysia Cyber Security Malaysia 2013 sempena program CyberSecurity Malaysia - Pameran Persidangan dan Anugerah (CSM\_ACE) yang diadakan pada tahun ini.

Program tersebut merupakan anjuran oleh CyberSecurity Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diadakan pada setiap tahun.

Disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah**, anugerah tersebut merupakan satu penghargaan kepada syarikat-syarikat yang telah memberi sumbangan besar terhadap sektor keselamatan siber pada tahun lepas.

Menurut Dr. Abu Bakar, industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan sektor yang penting yang akan memperkasa serta

meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"CSM-ACE 2013 yang bertemakan *Menjamin Keselamatan Siber Untuk Pertumbuhan Ekonomi* adalah selari dengan perancangan kerajaan menerusi pelan transformasi ekonomi Digital Malaysia untuk membina ekosistem di mana ICT bakal merangkumi segala aspek berkenaan ekonomi Malaysia.

"Inisiatif tersebut bakal meningkatkan produktiviti sektor industri dan memacu kenaikan pendapatan bagi perusahaan industri kecil sederhana sebanyak satu peratus," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis *Makan Malam dan Penyampaian Anugerah CyberSecurity Malaysia 2013*.

Majlis tahunan itu turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abd. Wahab.

Dalam pada itu, Pengerusi CyberSecurity Malaysia, **Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohammed** berkata, dengan kemudahan infrastruktur ICT, Malaysia bakal menjadi platform yang ideal untuk menghasilkan produk-produk solusi dan keselamatan cyber.

Mohd. Azumi turut menyarankan agar lebih ramai syarikat ICT tempatan untuk mendapatkan sijil berkaitan ICT di peringkat kebangsaan seperti standard Common Criteria untuk menaik taraf jenama produk yang dihasilkan.

"Kita juga perlu mengekalkan standard ICT yang dicapai kini dengan mengadaptasi standard keselamatan cyber antarabangsa bagi memudahkan usahawan ini memasuki pasaran antarabangsa," katanya.



### Penerima anugerah

#### Profesional CyberSecurity Profesional pada tahun ini

- Dr. Suhazimah Dzazali, MAMPU.
- Tan Chee Keong, CIMB Group.

#### Syarikat CyberSecurity pada tahun ini

- SecureMetric Technology Sdn. Bhd.

#### Pertumbuhan CyberSecurity pada tahun ini

- Celcom

#### Penyedia Outreach CyberSecurity pada tahun ini

- DiGi Telecommunications.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

#### Penyedia Pendidikan dan Latihan Cyber Security pada tahun ini

- Asia Pacific University of Technology & Innovation (A.P.U.I.).
- EC-Council.

#### Projek Cyber Security pada tahun ini

- Network Access Control Project by CIMB Group
- Pelaksanaan Perlindungan Kebocoran Digital Leakage Prevention Implementation oleh ASTRO.

#### Duta CyberSAFE pada tahun ini

- Mohd. Yusnizam Mohamad, SMK Ahmad, Pekan.



DR. Abu Bakar Mohammad Diah (kanan) menyampaikan anugerah kepada wakil DiGi Telecommunications, Philip Ling Oon Hun.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE SUN (SUNBIZ) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 2 DISEMBER 2013 (ISNIN)**





## Mukadimah

BUKAN baharu. Tapi hakikatnya ramai telah terperangkap dengan jenayah siber khususnya e-dagang. Malah menurut polis angka semakin meningkat memandangkan pengguna Internet juga bertambah. Apakah senarionya? Ikuti laporan khas mini Jenayah e-dagang bersama wartawan LAUPA JUNUS dan MASZUREEN HADZMAN

## Contoh-contoh kes yang dilaporkan:

**1** Saya ingin melaporkan kes penipuan Internet yang berlaku ke atas diri saya. Baru-baru ini saya ada membuat pembelian alat ganti kereta di portal beli-belah Internet popular pada 21 Mei 2013.

Saya telah memindahkan wang berjumlah RM180 (disertakan slip bayaran) kepada penjual yang dikenali sebagai XY. Sehingga sekarang barang yang saya beli yang sepatutnya dihantar oleh penjual masih belum saya terima. Mohon pihak tuan mengambil tindakan yang selanjutnya. Butir-butir penjual disertakan"

**2** Saya berkenalan dengan seorang lelaki berbangsa YZ di laman mudah.com kerana berminat untuk membeli Iphone 5 yang berharga RM1,550. saya telah memasukkan jumlah wang yang dikehendaki, tetapi barang saya inginkan tidak sampai ke hari ini."

**3** Saya ingin melaporkan kes penipuan internet yang berlaku ke atas diri saya agar pihak tuan dapat mengambil tindakan yang selanjutnya. Saya ada membuat pembelian Samsung Galaxy Tab2 10.1 (terpakai) di portal Mudah.my pada 2 Mei yang lalu dan seurus saya memindahkan wang yang berjumlah RM600 ke akaun penjual, saya sudah tidak dapat menghubungi penjual berkenaan.

Penjual tersebut mengiklankan produk di kawasan Kuala Lumpur tetapi beliau menyatakan bahawa beliau telah tersalah memilih lokasi dan lokasi sebenarnya adalah di Mersing, Johor. Penjual juga menurunkan harga produk daripada RM900 kepada RM600. Pihak penjual sepatutnya menggunakan perkhidmatan pos laju untuk menghantar produk tersebut kepada saya. Saya sertakan butir-butir penjual untuk siasatan pihak CyberSecurity Malaysia."

# Ancaman jenayah e-dagang

Pengguna mudah terpedaya dengan tawaran menarik

**K**ETIGA-tiga aduan yang dilaporkan ini merupakan sebahagian daripada isu berkenaan e-perniagaan atau e-dagang yang semakin pintar menjerut mangsa dan isu tersebut tidak pernah terlepas daripada perhatian serius agensi yang berkaitan memantau hal-hal berkaitan industri siber, CyberSecurity Malaysia.

Menurut CyberSecurity Malaysia, e-perniagaan mula berkembang di negara ini sebelum tahun 2009.

Namun, kerana masyarakat Malaysia masih ragu-ragu dengan keberkesanan kaedah itu, mereka hanya mula menerima kemudahan teknologi e-perniagaan sekitar tahun 2010 dan semakin pesat pada tahun ini.

Oleh kerana, sistem perniagaan e-perdagangan itu masih baharu maka pengguna Internet di negara ini begitu teruja untuk mencubanya sedangkan ketika mula-mula muncul, tidak ramai yang sedar tentang risikonya.

Meskipun masih boleh dianggap baru dalam konteks perniagaan di

negara ini, CyberSecurity Malaysia bagaimanapun telah mengesan salah laku oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr.

Amirudin Abdul Wahab berkata, risiko-risiko tersebut ialah membuat pembayaran pendahuluan terhadap barangan yang ingin dibeli tetapi tidak menerima barangan tersebut.

"Ini boleh berlaku sekiranya barangan tersebut dibeli menerusi blog, laman sosial atau emel terus dari individu tertentu yang tidak dikenali dan tidak disahkan sama ada berdaftar atau tidak sebagai peniaga online

melayari laman web palsu atau laman tiruan yang menyerupai laman web berdaftar.

"Ini dikenali sebagai laman web phishing. Pengguna sukar untuk membezakan laman web yang sebenar dan laman tiruan kerana

## Laporan KHAS Mega

kedua-duanya sama dan yang membezakan laman-laman web tersebut adalah alamat URL,"ujarnya.

Beliau berkata, agak sukar untuk membuktikan penipuan online dan mendapatkan

semula wang pendahuluan, dan agak sukar untuk mendapat pembelaan sewajarnya sekiranya berlaku pertikaian dan urusan jual beli secara online.

Dr. Amirudin berkata, antara bentuk penipuan yang dikesan dilakukan oleh penjenayah terbabit ialah penjual menipu pembeli dengan mengiklankan jualan barang di Internet dengan harga menarik.

"Setelah pembeli membuat pembayaran, barang tidak diterima langsung," ujarinya.

Bentuk penipuan lain ialah pembeli menipu penjual dengan cara membeli barangan secara online di laman e-perniagaan yang sah tetapi bayaran dibuat dengan menggunakan maklumat kad kredit seperti nombor kad kredit yang dicuri atau kad kredit yang diklon.

CyberSecurity juga mengesan kes pembeli menipu penjual yang



DR. AMIRUDIN ABDUL WAHAB

PELUANG perniagaan atas talian sentiasa terbuka sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).





# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 2 DISEMBER 2013 (ISNIN)

## Info

### Maksud pembelian dalam talian mengikut takrifan

- Pembelian yang melibatkan pemilihan produk, pesanan dan pembayaran terus melalui laman web menggunakan kad kredit atau transaksi antara bank.

### Akta yang boleh dikenakan untuk mendakwa.

- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
- Akta Perlindungan Pengguna 1999

## Statistik

Insiden	Januari - Ogos			
Penipuan (Fraud)	2013	2012	2011	Jumlah
	3,144	2,984	3,757	5,328

**Nota:** Insiden pembelian atas talian dikategorikan dalam penipuan (fraud) pada insiden keselamatan siber yang dilaporkan ke Pusat Bantuan Cyber999. Penipuan dalam senarai ketiga tertinggi berdasarkan insiden.

mengiklankan barang untuk dijual di Internet. Pembeli memalsukan pembayaran dengan menghantar notifikasi palsu kepada penjual, kononnya dari PayPal mengatakan wang telah dimasukkan oleh pembeli ke akaun penjual.

Menurut Dr. Amiruddin, penjual tertipu dengan notifikasi palsu tersebut dan terus menghantar barang kepada pembeli.

tetapi wang sebenarnya tidak dimasukkan ke akaun penjual.

Beliau berkata, kategori perniagaan yang tersenarai dalam pembelian atas talian contoh perniagaan tudung, perniagaan rumah pembelian rumah.

Ini melibatkan apa juga barangan, produk atau perkhidmatan yang melibatkan pemilihan, pemesanan dan pembayaran yang dijalankan atas talian seperti pakaian, produk kesihatan termasuk makanan atau minuman dan penggunaan luaran serta barangan sukan.

Mengulas lanjut mengenai persepsi atau tanggapan masyarakat ketika ini berkenaan pembelian secara online beliau berkata, generasi Y lebih mudah dipercayai dan menggunakan teknologi e-perniagaan kerana mereka telah membesar dengan keperluan teknologi mudah alih dan Internet.

Namun golongan berumur 35 tahun ke atas mengambil masa untuk membeli melalui e-perniagaan kerana sudah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk memastikan kualiti barangan yang dibeli secara dekat dan menyaksikan sendiri kewujudan premis perniagaan.

Sementara itu, menurut Dr. Amirudin Abdul Wahab secara umumnya pembelian secara online adalah selamat sekiranya pengguna berurusan dengan pihak yang sah.

Beliau berkongsi pandangan bagaimana untuk mengetahui atau memastikan bahawa pembelian secara online ini selamat.

Katanya, pengguna perlu memastikan peniaga e-perniagaan adalah syarikat yang berdaftar dan mengamalkan polisi jual beli barangan yang jelas mengikut amalan e-perniagaan yang baik.

"Ini boleh dilakukan dengan menjalankan kaji selidik terhadap sesebuah syarikat e-perniagaan ataupun dengan mengenal pasti penjiwaan pihak ketiga seperti Malaysia Trustmark."

"Logo Malaysia Trustmark yang dipaparkan di laman web e-perniagaan menunjukkan bahawa syarikat e-perniagaan tersebut telah disahkan berdaftar dan mengamalkan polisi e-perniagaan yang selamat," katanya.

Oleh itu katanya, pengguna Internet di Malaysia yang membuat pembelian secara



**DUNIA maya menawarkan pelbagai ruang perniagaan tetapi mereka yang kurang berwaspada boleh menjadi mangsa.** - Gambar hiasan

online boleh meningkatkan keyakinan memanfaatkan sistem tersebut melalui kaedah pengesahan daripada pihak ketiga iaitu organisasi bebas yang diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk menilai dan memantau pemilik e-perniagaan tersebut.

Bagi peniaga pula, mereka berdepan cabaran besar bagi memastikan laman e-perniagaan mereka selamat dan cabaran tersebut antara lain, ialah mengenal pasti kelemahan dan risiko laman web mereka digodam oleh penjenayah siber dan seterusnya, mengambil langkah berjaga-jaga dengan cara pemasangan peralatan dan perisian tertentu bagi mengatasi risiko tersebut.

Dalam pada itu beliau Dr. Amiruddin berkata, pihaknya juga mengadakan kerjasama dengan pihak lain seperti persatuan pengguna atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membendung

jenayah siber tersebut.

Beliau berkata, CyberSecurity Malaysia bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain, melalui Malaysia Trustmark untuk sektor swasta yang dilancarkan pada 3 Julai lalu.

Malaysia Trustmark adalah inisiatif daripada kerajaan yang melibatkan pelbagai agensi seperti, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Turut terlibat ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri/Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensi-agensi di bawahnya yang prihatin terhadap perkembangan perniagaan dalam talian dan keselamatan pengguna.



**MESKIPUN kelihatan mudah, membeli-belah di alam maya mempunyai risiko penipuan.**



**MEMBELI belah secara konvensional tentunya berdepan sedikit masalah seperti berebut tempat letak kereta dan kesesakan di pasar raya.** - Gambar hiasan





## Info

→ Sehingga kini terdapat enam buah syarikat yang telah pun mendapat kelulusan dan memperolehi sijil Malaysia Trustmark, manakala tiga syarikat kini masih dalam proses audit dan pengesahan.

### Peranan Malaysia Trustmark

- Membina dan meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap peniaga yang menjalankan e-perniagaan.
- Menggalakkan amalan perniagaan atas talian atau e-perniagaan yang baik di kalangan peniaga.
- Peluang mengembangkan perniagaan di luar negara dengan piawaian e-perniagaan yang setara.
- Mengurangkan risiko penipuan dalam talian kepada pengguna dan risiko kelemahan keselamatan kepada peniaga dan peniaga.

# Pastikan selamat

Malaysia Trustmark bantu pastikan keselamatan urus niaga online

**R**AMAI daripada kita mungkin tidak pernah mendengar perkataan Malaysia Trustmark, melainkan mereka yang terlibat dengan e-perniagaan.

Malaysia Trustmark adalah logo pada laman web e-perniagaan yang menunjukkan peniaga tersebut telah lulus menjalani proses audit dan pengesahan dari operator Malaysia Trustmark.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, Trustmark diperkenalkan atas keprihatinan kerajaan terhadap trend ancaman keselamatan dunia siber terutama dalam bidang e-perniagaan yang semakin meningkat.



DR. AMIRUDIN  
ABDUL WAHAB

"Kerajaan tidak mahu ancaman ini menyebabkan perkembangan industri dan peniaga kecil terjejas akibat kurangnya kepercayaan dari pengguna internet terhadap e-perniagaan," katanya.

Beliau berkata, CyberSecurity Malaysia telah dilantik sebagai agensi pelaksana atau operator Malaysia Trustmark bagi sektor swasta.

Menurut beliau, sebagai operator, pihaknya bertanggungjawab untuk menilai dan mengesahkan permohonan laman web sebelum meluluskan dan memberi logo Malaysia Trustmark serta memantau penggunaan logo Malaysia Trustmark oleh peniaga. Bagaimanapun usaha



CYBERSECURITY Malaysia sentiasa mengadakan kempen penerangan mengenai kepentingan Malaysia Trustmark.

tersebut masih berdepan dengan cabaran antaranya peniaga menganggap persijilan dan penilaian daripada pihak ketiga adalah tidak penting sekiranya mereka masih

memperolehi pelanggan; "Pelanggan e-perniagaan mudah mempercayai laman web berkenaan tanpa pengesahan dari pihak ketiga," ujar beliau.



KUALA LUMPUR

## Biotech chairman receives honorary doctorate

**CHAIRMAN** of Malaysian Biotechnology Corporation (Bio-techCorp) Professor Emeritus Datuk Seri Zakri Abdul Hamid (*pic*) has been conferred an honorary doctorate in Biotechnology from Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) in conjunction with the university's fifth convocation in Kuala Terengganu on Saturday.

Zakri, who is also the joint chairman of the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), said he was honoured and grateful to UniSZA for conferring the honorary doctorate in appreciation of his work in the field of biotechnology.

"There is much to be done and I am very confident that with the support of institutions of higher learning such as UniSZA, we can achieve our country's true potential in the field," he was quoted as saying in a statement issued by MIGHT.



Zakri, who was recently made one of 26 appointees to the UN secretary-general's scientific advisory board, made history when he was elected the first Chair of the UN Inter-governmental Science-Policy Platform on Biodiversity and Ecosystem Services. — Bernama